



DR 12 TAHUN 2020  
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC) DAN KEMENTERIAN  
SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR13/2019)**

PEMBANGUNAN *AIR MOBILITY*



### **AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 14**

1. YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] **- Pengerusi**
2. YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] **- Naib Pengerusi**
3. YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
4. YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]
5. YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]
6. YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]
7. YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
8. YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]
9. YB. Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]
10. YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]
11. YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]
12. YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]
13. YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]
14. YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]
15. YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah **- Setiausaha PAC / Setiausaha Dewan Rakyat**

### **WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)**

1. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
2. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)
3. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Jabatan Peguam Negara (AGC)
6. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
7. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG  
NEGARA (PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC) DAN  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI  
(MOSTI) BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN  
(DR13/2019)**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1</b>	<b>LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PEMBANGUNAN <i>AIR MOBILITY</i></b>	<b>1 - 3</b>
<b>2</b>	<b>TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC) DAN KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI) BAGI SYOR-SYOR LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN DR13/2019</b>	<b>4 - 9</b>

**LAPORAN JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN BERHUBUNG  
PEMBANGUNAN *AIR MOBILITY***



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC) DAN KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)  
BAGI SYOR-SYOR  
LAPORAN PAC PARLIMEN (DR13/2019)  
BERHUBUNG**

**PEMBANGUNAN *AIR MOBILITY***

**1. LATAR BELAKANG**

Melalui mandat yang diberikan di bawah Peraturan Mesyuarat (PM) 77 (1) (d) dan 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah mengadakan empat (4) prosiding bagi Pembangunan *Air Mobility* bermula pada Mei hingga September 2019.

Pada Februari 2019, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengeluarkan kenyataan bahawa *air mobility* / 'kereta terbang' pertama Malaysia akan dipacu oleh teknologi tempatan dan prototaipnya dijangka diperkenalkan akhir tahun 2019.

Kenyataan itu menarik perhatian umum daripada setiap lapisan masyarakat dalam negara sekali gus menimbulkan perdebatan terbuka sama ada wujud kewajaran untuk negara menceburi bidang `kereta terbang' dan sejauh mana peranan Kerajaan dalam projek ini.

Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen telah memanggil pihak-pihak yang terlibat dengan cetusan idea pembangunan projek *air mobility* / `kereta terbang' iaitu Menteri Pembangunan Usahawan dan Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) [**kini dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MEDAC)**] dan pihak-pihak lain yang mungkin mempunyai kepentingan dalam pembangunan dan pelaksanaan projek *air mobility* / `kereta terbang' iaitu KSU Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Kanan Jabatan Perdana Menteri (JPM), Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT), sebuah syarikat di bawah JPM serta Pengarah Urusan VentureTech Sdn. Bhd. (VTSB) iaitu sebuah syarikat pelaburan milik MIGHT untuk memberi keterangan mengenai peranan dan penglibatan mereka dalam isu yang dibincangkan.

Jawatankuasa ini, kemudian membentangkan Laporan PAC Parlimen Berhubung Pembangunan *Air Mobility* di Dewan Rakyat pada 28 November 2019.

Dalam laporan berkenaan, PAC Parlimen telah mengemukakan rumusan dan enam (6) syor yang perlu diambil tindakan oleh MEDAC/MOSTI.

Berdasarkan Peraturan Mesyuarat (PM) 77 (1) (5), Jawatankuasa ini berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat dan rekod-rekod dan mengeluarkan penyata kepada Majlis dari satu masa ke satu masa.

Sehubungan dengan itu, YBhg. Dato' Suriani Binti Dato' Ahmad (KSU MEDAC) dan YBhg. Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah Binti Tapsir (KSU MOSTI) bersama-sama YBrs. Dr. Norida Abd Rahman (Ketua Pegawai Eksekutif VTSB) telah memberikan taklimat berhubung Laporan Tindakan Susulan Ke Atas Syor-syor PAC Parlimen bagi Laporan PAC Parlimen DR7/2019 di hadapan PAC Parlimen pada 11 November 2020.

## 2. PENDAHULUAN

- 2.1. Mulai April 2020, MIGHT telah diletakkan di bawah kawal selia MOSTI susulan penyusunan semula Kementerian. VTSB, anak syarikat milik penuh MIGHT merupakan sebuah syarikat pelaburan strategik dalam bidang teknologi tinggi yang ditubuhkan pada tahun 2009 bagi menyokong pembangunan industri melalui pelaburan ekuiti dalam syarikat berkeelayakan.
- 2.2. Misi utama VTSB adalah untuk membina masyarakat industri yang berdaya saing khususnya sebagai pemimpin industri (*industry leader*) dalam bidang sasaran selaras dengan mandat VTSB untuk menggalakkan penyertaan syarikat tempatan dalam industri nilai tambah tinggi dan berteraskan teknologi.
- 2.3. Pada bulan Mei 2019 lalu, Lembaga Pengarah VTSB telah meluluskan pelaburan sebanyak RM20 juta dalam syarikat Aerodyne Ventures Sdn Bhd (AVSB). Proses penilaian pelaburan dan *due diligence* menunjukkan AVSB adalah sebuah syarikat tempatan yang menunjukkan potensi besar untuk menjadi peneraju dalam industri 4.0 melalui aplikasi *artificial intelligence* dan *data analytics* dalam industri “dron” di peringkat domestik dan antarabangsa.
- 2.4. VTSB telah meluluskan pelaburan dalam AVSB bagi tujuan pembangunan fasiliti dan perkembangan perniagaan syarikat AVSB di Malaysia dan antarabangsa. Pelaburan VTSB adalah khusus untuk pembangunan Pusat Pemrosesan Data dan juga penyelidikan di Cyberjaya seperti yang termaktub dalam dokumen Perjanjian Pelaburan.
- 2.5. Sehingga kini, AVSB berada di kedudukan ke-2 dunia dalam industri “dron”; di samping menyediakan hamper 300 pekerjaan termasuk pekerjaan dalam industri baharu seperti “*drone pilot*” dan “*data scientist/analyst*” bagi graduan-graduan muda tempatan Malaysia.

2.6. Laporan PAC Parlimen Berhubung Pembangunan *Air Mobility* telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 28 November 2019 dengan syor-syor yang berikut:

- Syor 1: Kajian dan perancangan yang teliti perlu dilakukan sebelum sesuatu projek dihebahkan kepada pengetahuan umum supaya ia tidak memberikan persepsi yang negatif serta menjadi bahan kritikan oleh pelbagai lapisan masyarakat.
- Syor 2: Kertas Kabinet yang lengkap dan sempurna perlu disediakan dan dibentangkan dalam mesyuarat Kabinet untuk mendapat kelulusan bagi perkara-perkara yang melibatkan kepentingan rakyat dan negara.
- Syor 3: MED dinasihatkan untuk mewujudkan kerjasama dan koordinasi dengan lain-lain kementerian, jabatan dan agensi dalam melaksanakan sesuatu program atau projek Kerajaan terutama yang menerima publisiti yang luas.
- Syor 4: MED dinasihatkan membuat *due diligence* yang lengkap sebelum membuat apa-apa pengumuman dan keputusan.
- Syor 5: VTSB perlu membuat pemantauan yang lebih teliti terhadap perbelanjaan yang dibuat oleh AVSB bagi memastikan pelaburan RM20 juta oleh VTSB sebenarnya digunakan untuk tujuan ditetapkan dalam kelulusan pelaburan.
- Syor 6: JAN diminta membuat pengauditan terhadap pelaburan Kerajaan berjumlah RM20 juta untuk tujuan asal dan bukan untuk projek 'kereta terbang'.

**TINDAKAN SUSULAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI  
(MEDAC) DAN KEMENTERIAN  
SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI  
(MOSTI)**

**BAGI SYOR-SYOR LAPORAN  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN DR13/2019**

### **3. TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR PAC PARLIMEN**

**3.1 Syor 1: Kajian dan perancangan yang teliti perlu dilakukan sebelum sesuatu projek dihebahkan kepada pengetahuan umum supaya ia tidak memberikan persepsi yang negatif serta menjadi bahan kritikan oleh pelbagai lapisan masyarakat.**

**Syor 2: Kertas Kabinet yang lengkap dan sempurna perlu disediakan dan dibentangkan dalam mesyuarat Kabinet untuk mendapat kelulusan bagi perkara-perkara yang melibatkan kepentingan rakyat dan negara.**

#### **Maklum Balas MEDAC**

MEDAC mengambil maklum akan kedua-dua syor ini dan akan menjalankan kajian dan perancangan yang teliti sebelum sesuatu projek yang melibatkan kepentingan umum/Nasional dihebahkan kepada awam. Kementerian ini juga akan menyediakan Kertas Memorandum Jemaah Menteri, kenyataan awam atau koordinasi bersama Kementerian/Agensi sebelum sesuatu program/projek yang melibatkan kepentingan umum dilaksanakan.

**3.2 Syor 3: MED dinasihatkan untuk mewujudkan kerjasama dan koordinasi dengan lain-lain kementerian, jabatan dan agensi dalam melaksanakan sesuatu program atau projek Kerajaan terutama yang menerima publisiti yang luas.**

#### **Maklum Balas MEDAC**

Pada masa kini, MEDAC telah pun menjalankan Kerjasama strategik dan kolaborasi berkaitan pembangunan keusahawanan PKS dan Koperasi bersama Kementerian dan Agensi lain bagi mengoptimumkan sumber seperti berikut:

- (a) Kementerian Belia dan Sukan;
- (b) Kementerian Pengajian Tinggi;

- (c) Kementerian Pembangunan Luar Bandar;
- (d) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan;
- (e) Kementerian Pertahanan; dan
- (f) Jabatan Perdana Menteri – Hal Ehwal Agama.

Tumpuan Kementerian pada masa kini adalah kepada pembangunan perusahaan PKS khususnya sektor mikro, koperasi dan informal terutamanya dalam menangani isu dan cabaran semasa dan pasca pandemik COVID-19. Malahan saya ingin menjelaskan bahawa pembangunan 'kereta terbang' atau *super drone* bukanlah merupakan keutamaan kepada Kementerian.

**3.3 Syor 4: MED dinasihatkan membuat *due diligence* yang lengkap sebelum membuat apa-apa pengumuman dan keputusan.**

**Maklum Balas MEDAC**

MEDAC mengambil maklum akan syor ini dan akan memastikan supaya kajian dan *due diligence* yang lengkap dilaksanakan sebelum membuat apa-apa pengumuman dan keputusan berkaitan sesuatu projek/program.

Selain itu, pelaksanaan program pembangunan di bawah MEDAC adalah berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Perbendaharaan Malaysia. Pemantauan projek secara keseluruhan dan makro adalah dilaksanakan oleh EPU sebagai agensi pusat.

**3.4 Syor 5: VTSB perlu membuat pemantauan yang lebih teliti terhadap perbelanjaan yang dibuat oleh AVSB bagi memastikan pelaburan RM20 juta oleh VTSB sebenarnya digunakan untuk tujuan ditetapkan dalam kelulusan pelaburan.**

## Maklum Balas VTSB

Pemantauan rapat secara berkala telah dan sentiasa dibuat oleh VTSB atas pelaburannya dan juga atas prestasi Aerodyne Ventures Sdn Bhd (AVSB) secara keseluruhan. Semua perbelanjaan oleh AVSB mengikut kelulusan yang telah diluluskan VTSB.

Proses Pemantauan Sistematis dan Berkala oleh VTSB adalah seperti berikut:

1. Dokumen Perjanjian Pelaburan AVSB & VTSB – Klausula 18.1 (h) SHA menetapkan Syarat bahawa wang pelaburan tidak boleh digunakan untuk tujuan pembangunan “Kereta Terbang”.
2. Surat VTSB bertarikh 10 Disember 2019 kepada AVSB telah menetapkan syarat penggunaan pelaburan RM20 juta, tertakluk kepada dokumen sokongan yang diperlukan.
3. Mesyuarat Pengurusan VTSB bertarikh 18 Disember 2019 meluluskan permohonan AVSB untuk penggunaan wang pelaburan RM10 juta, setelah AVSB disahkan telah mematuhi semua syarat penggunaan pelaburan yang diluluskan melalui proses *pre-disbursement validation*.

No.	Penggunaan	Jumlah (RM)
1.	Kos pengambilalihan 60% ekuiti <i>Measure USA</i>	6,610,904
2.	Kos pembiayaan penyelidikan & pembangunan (“R&D”) dan modal kerja (merangkumi perolehan peralatan serta sewa bangunan di Cyberjaya sebagai “ <i>Data Processing Centre</i> ”)	3,389,096
		<b>10,000,000</b>

4. VTSB memantau pelaburannya dan prestasi AVSB secara pemantauan sistematik berkala melalui:-

- i. Penganalisaan prestasi kewangan AVSB melalui laporan kewangan syarikat secara bulanan bagi mendapat maklumat pelaporan kepada VTSB.
- ii. Perbincangan bulanan bersama pihak Pengurusan AVSB berkenaan prestasi AVSB serta aktiviti-aktiviti pengembangan perniagaan “*drone-as-a-service*” AVSB.

Tarikh	Lokasi	Perbincangan
14 Jan 2020	Pejabat AVSB	Perbincangan mengenai akaun AVSB dan prestasi syarikat untuk bulan Januari 2020.
7 Feb 2020	Pejabat VTSB	Perbincangan penyata kewangan syarikat yang diaudit bagi tahun kewangan 2019.
19 Jun 2020	Pejabat VTSB	Perbincangan mengenai akaun AVSB dan prestasi syarikat untuk bulan Jun 2020.

- iii. Kehadiran dalam semua Mesyuarat Lembaga Pengarah: (23 Jan, 13 Mac, 10 Julai, 27 Julai dan 30 Oktober 2020) untuk memantau arah tuju, strategi dan prestasi AVSB.

Baki pelaburan RM10 juta akan diluluskan dan disalurkan, tertakluk kepada pematuhan penggunaan yang diluluskan melalui *Pre-Disbursement Audit* oleh VTSB.

**3.6 Syor 6: JAN diminta membuat pengauditan terhadap pelaburan Kerajaan berjumlah RM20 juta untuk tujuan asal dan bukan untuk projek ‘kereta terbang’.**

## **Maklum Balas JAN**

Wakil JAN memaklumkan lawatan JAN telah dibuat ke Ibu pejabat AVSB pada 10 Januari 2020 yang diketuai oleh Datuk Nur Salwani Binti Hj Muhammad, Pengarah Sektor Audit Syarikat JAN bagi melihat pelaburan VTSB di AVSB.

JAN telah menerima penjelasan dan dokumen-dokumen yang relevan berkaitan perjanjian pelaburan dengan AVSB daripada VTSB. VTSB dan AVSB dalam perbincangan turut mengesahkan bahawa penggunaan pelaburan RM20 juta adalah bagi tujuan asal yang diluluskan oleh VTSB, dan bukan untuk pembangunan projek 'Kereta Terbang'. Sehingga kini, tidak ada sebarang isu dibangkitkan oleh JAN kepada VTSB.

## **4. PENUTUP**

Berdasarkan kepada penjelasan ketika taklimat berhubung Laporan Tindakan Susulan Ke Atas Syor-syor PAC Parlimen, PAC Parlimen mendapat maklum bahawa:

- (i) KSU MEDAC, Dato' Suriani Binti Dato' Ahmad menyatakan *Super Drone* (Kereta Terbang) bukan keutamaan kepada Kementerian. Kementerian mengutamakan pembangunan keusahawanan khasnya Perniagaan Kecil Sederhana dan Perniagaan Mikro.
- (ii) Dr. Norida Abd. Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif VTSB menyatakan:  
*"this investment (of RM20 million into Aerodyne Venture Sdn. Bhd. is independent from the statement by (the then) Minister MED"*.
- (iii) *Ex officio* JAN, Puan Norzila Binti Kamaruddin menyatakan bahawa JAN telah menjalankan audit terperinci ke atas MIGHT dan tidak wujud isu penggunaan RM20 juta pelaburan (oleh VTSB dalam AVSB) dalam pembangunan 'Kereta Terbang'.

PAC Parlimen juga mendapati bahawa dokumen Perjanjian Pelaburan AVSB dan VTSB memperuntukkan dengan jelas bahawa RM20 juta pelaburan VTSB dalam AVSB tidak boleh digunakan untuk tujuan berkaitan pembangunan “Kereta Terbang”. Cabutan perjanjian tersebut adalah seperti berikut:-

“18. *Covenants of the Promoters*

18.1 *The Promoters jointly and severally covenant to the other Shareholders:-*

- (h) *abstain, either on their own or with any other party, from engaging in any business which is similar or in any way connected to or competitive with the Business, which includes but not limited to, a new business venture into Flying Cars. For the purpose of this clause, “Flying Cars” means the venture or operation of the vector or other air mobility vehicle.”*

Oleh yang demikian, PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil ke atas syor-syor PAC Parlimen oleh MEDAC, MOSTI dan VTSB selaras dengan Peraturan Mesyuarat (PM) 77 (1) (5).

## **JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE 14**